

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN BOLA TAMPAR  
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025  
(LELAKI DAN WANITA)**

## **1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan terbaru **Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB)** serta **Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA)**.
- 1.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA XI, Tawau 2025)**.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berdasarkan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA XI, Tawau 2025)**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berdasarkan kepada **Peraturan Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB)**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bola Tampar Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

## **2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 2.1 Taklimat Penguru Pasukan : **11 Oktober 2025**.
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada : **12 hingga 16 Oktober 2025**.

## **3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan akan diadakan di **Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tawau**.

## **4.0 PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan hanyalah kepada semua daerah di Negeri Sabah sahaja. Penyertaan hendaklah dibuat melalui daerah masing-masing.
- 4.2 Daerah-daerah yang bertanding mengambil bahagian hendaklah menghantar borang penyertaan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 4.3 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftarkan satu pasukan sahaja yang terdiri daripada:

<b>Jawatan</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>
Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
Penolong Jurulatih	1 orang	1 orang
Peserta	12 orang	12 orang
<b>Jumlah</b>	<b>15 orang</b>	<b>15 orang</b>

- 4.4 Jurulatih pasukan dan Penolong Jurulatih pasukan mestilah mempunyai **Sijil Kejurulatihan atau Sijil Penyertaan Kursus Kejurulatihan sekurang-kurangnya Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1** yang diiktiraf.

## 5.0 PENDAFTARAN, KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun **2005 hingga 2010** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta (i-SAGA).
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Taraf Pemastautin dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.

## 6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat pengurus pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 7.0 INKUIRI PASUKAN

- 7.1 Semasa ketibaan di perkampungan sukan, Pengurus dan Jurulatih setiap pasukan mesti melaporkan diri di sekretariat untuk menjalani inkuiri pasukan.
- 7.2 Dokumen berikut hendaklah dikemukakan untuk semakan oleh jawatankuasa kawalan:
- 7.2.1 Borang pendaftaran (Senarai 12 pemain terakhir);
  - 7.2.2 Kad Pengenalan pemain;
  - 7.2.3 Jersi dan seluar bagi kedua-kedua set jersi untuk menentukan warna dan nombor.

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Pusingan Kelayakan Berpasukan :
- 8.2 Penganjur akan menjalankan Pusingan Kelayakan diperingkat zon jika terdapat penyertaan lebih dari lapan (8) pasukan bagi setiap acara.
- 8.3 **Hanya lapan (8) pasukan sahaja layak ke peringkat akhir iaitu Johan setiap Zon dan Tuan Rumah Venue Sukan adalah layak secara automatik. Manakala penentuan satu naib johan sahaja akan dinilai seperti penentuan berikut:**

- i. Sekiranya penyertaan **PENUH ATAU LEBIH DARI ZON LAIN** dari **salah satu Zon, Johan dan Naib Johan** akan layak ke Sukan Sabah XI Tawau 2025 dan
- ii. Sekiranya penyertaan **SEMUA ZON** mempunyai **JUMLAH BIL. PENYERTAAN DAERAH** yang **SAMA**. Maka penentuan melalui **Naib Johan Kumpulan** akan ditentutan melalui **agregat Mata (points)** yg tertinggi bagi melayakkan **salah satu** daerah ke Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

- 8.4 Peringkat Akhir (Sukan Sabah)
- 8.5 Pertandingan akan dijalankan secara "**Best of Three**" pada **pusingan awal**. Pasukan yang menang 2 kali akan dikira sebagai pemenang perlawanan tersebut. Manakala pada perlawanan **separuh akhir dan akhir**, akan dijalankan secara "**Best Of Five**". Pasukan yang menang 3 kali akan dikira Pemenang Perlawanan tersebut.
- 8.6 Pasukan yang mendapat mata 25 terlebih dahulu dikira menang dan jika berlaku mata yang sama 24, pasukan yang mendapat 2 mata lebih akan dikira menang perlawanan tersebut.
- 8.7 Jika berlaku perlawanan hingga set ke-3 dan set ke- 5, maka mata perlawanan hanya 15. Pertukaran gelanggang akan dibuat jika mana-mana pasukan mendapat mata 8. Jika berlaku mata seri pada 14, pasukan yang dapat mendahului 2 mata akan dikira menang perlawanan tersebut.
- 8.8 Penyertaannya terdiri daripada 8 pasukan, maka sistem pertandingan adalah seperti berikut:

8.8.1 Pusingan Awal:

8.8.1.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga dalam dua (2) kumpulan, pembahagian kumpulan adalah melalui pengundian.

8.8.1.2 Keempat-empat pasukan Sukan Sabah SAGA yang lepas akan menjadi pasukan pilihan atau 'Seeded'. Pasukan Johan dan pasukan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A'. Pasukan Naib Johan dan pasukan tempat Ketiga pula akan dimasukkan ke dalam Kumpulan 'B'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.

8.8.1.3 Dua (2) Pasukan yang teratas dalam peringkat kumpulan akan layak ke pusingan separuh akhir.

8.4.3 Pusingan Separuh Akhir:

8.4.3.1 Separuh Akhir:

Separuh Akhir 1:	1A VS 2B
Separuh Akhir 2:	1B VS 2A

8.4.4 Pusingan Akhir:

8.4.4.1 Bagi kedudukan 1-2:

Menang (Separuh Akhir 1) mln (Menang Separuh Akhir 2)

8.4.4.2 Bagi kedudukan 3-4:

Kalah (Separuh Akhir 1) mln Kalah (Separuh Akhir 2)

## **9.0 SISTEM PENGIRAAN MATA/CARA MENENTUKAN KEDUDUKAN**

- 9.1 Berikut adalah sistem pemberian mata:

<b>Menang</b>	<b>Kalah</b>	<b>Lucut Teknikal</b>
2 mata	0 mata	0 mata

- 9.2 Sekiranya pada akhir perlawanan pusingan awal terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama, maka cara menentukan kedudukan akan dibuat mengikut sistem kiraan berpandukan kepada Peraturan Pertandingan Persatuan Bola Tampar Malaysia.

## **10.0 PAKAIAN SERAGAM**

- 10.1 Semua pasukan hendaklah memakai pakaian seragam iaitu jersi dan seluar pendek, pengecualian terhadap pemain wanita.
- 10.2 Jersi hendaklah bernombor yang berukuran minima 15sm tinggi x 2sm lebar di hadapan pada paras dada dan 20sm tinggi x 8sm lebar di belakang.
- 10.3 Baju kapten pasukan mestilah mempunyai satu garis di bawah nombor baju di bahagian hadapan dengan ukuran 2sm tinggi x 8sm lebar.
- 10.1 Nombor Jersi hendaklah dari nombor 1 hingga 20.
- 10.2 Pasukan yang tidak memakai pakaian seragam tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- 10.3 Setiap pasukan mesti mempunyai dua set jersi yang berlainan warna.

## **11.0 PEMBATALAN**

- 11.1 Setiap pasukan hendaklah berada di gelanggang tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 11.2 Pasukan yang lewat lima belas (15) minit dari masa yang telah dijadualkan tanpa memberi alasan yang munasabah adalah dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya.

## **12.0 PEGAWAI-PEGAWAI TEKNIKAL PERTANDINGAN**

- 12.1 Persatuan Sukan Negeri akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berbincang dengan SAVA tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 14.2.
- 12.2 Ketua Delegat Teknikal hendaklah mengemukakan laporan bersama-sama dengan laporan pengadil atau hakim mengenai peserta atau pegawai pasukan yang telah digantung daripada menyertai satu atau kesemua pertandingan bagi sukan berkenaan semasa Sukan Sabah XI, Tawau 2025. dijalankan kepada Persatuan Bola Tampar Negeri Sabah untuk tindakan selanjutnya.
- 12.3 Pertandingan akan dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa Kawalan (*Control Committee*).

- 12.4 Jawatankuasa Kawalan terdiri daripada lapan (8) anggota, seorang Pengerusi dan dibantu oleh seorang Penyelia Teknikal dan seorang Penyelia Pengadilan serta lima (5) anggota Juri.
- 12.5 Pada setiap perlawanan dua (2) ahli juri terdiri dari Jawatankuasa Kawalan akan ditugaskan untuk mengawal perlawanan.

### 13.0 MENARIK DIRI

- 13.1 Setiap pasukan tidak dibenarkan menarik diri dari sebarang perlawanan. Jika ianya berlaku, pasukan berkenaan adalah dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan dan tidak dibenarkan menyertai pertandingan seterusnya.
- 13.2 Tindakan disiplin akan diambil terhadap pasukan berkenaan oleh Persatuan Bola Tampar Negeri Sabah.

### 14.0 BANTAHAN

- 14.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dengan disertakan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00 tunai**. Rujuk kepada Peraturan Am perkara 16.1 dan perkara 16.2.
- 14.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 14.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.
- 14.4 Pada akhir sesuatu perlawanan, sekiranya mana-mana pasukan ingin membuat bantahan, bantahan itu hendaklah dikemukakan secara lisan kepada pengadil semasa menandatangani buku rekod, ketua permainan mestilah menulis perkataan **Ingin Bantah** di bawah tandatangannya agar bantahan itu akan lebih berkesan.

### 15.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 15.1 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib terdiri daripada Sembilan (9) orang anggota iaitu:
  - 15.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Kawalan SAVA;
  - 15.1.2 Pengarah Pertandingan ;
  - 15.1.3 Tiga (3) orang ahli Jawatankuasa Kawalan SAVA;
  - 15.1.4 Dua (2) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam bantahan itu.
- 15.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan dari pengadil atau pegawai pertandingan dan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 15.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat sesuatu keputusan.
- 15.4 Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib Persatuan Bola Tampar Negeri Sabah adalah muktamad.

## 16.0 HADIAH

16.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

Kategori	Emas	Perak	Gangsa
Pasukan Lelaki	1 (12)	1 (12)	1 (12)
Pasukan Wanita	1 (12)	1 (12)	1 (12)
<b>Jumlah</b>	<b>2 (24)</b>	<b>2 (24)</b>	<b>2 (24)</b>

16.2 Pemberian Pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**.